

Pesaka yakin dapat lima ^{3. Hanan (M)} 15 MAY 1989 pingat emas

PERSATUAN Silat Kebangsaan (Pesaka) yakin Malaysia boleh memenangi lapan pingat emas menerusi pesilat-pesilatnya pada Sukan SEA kali ini.

Pengurus pasukan, Haji Mohd Shafie Abdul Rahman, berkata tidak ada masalah bagi pesilat-pesilat kebangsaan memenuhi matlamat Majlis Sukan Negara (MSN) iaitu sekurang-kurangnya lima pingat emas.

Silat Olahraga Sukan SEA, XV itu menawarkan 15 pingat, termasuk lima bagi wanita.

Menurutnya, penghalang kepada kemaraan Malaysia nanti ialah Indonesia, yang berupaya membariskan ramal pesilat handalan.

Haji Mohd Shafie berkata, Jawatankuasa Pemilihan Pesaka akan memilih 20 pesilat terbaik bagi meneruskan latihan pusat di Bangi dari 17 Julai hingga 18 Ogos ini.

Pertandingan 16 MAY 1989 silat di Melaka 3. Hanan (M)

SATU pertandingan seni silat akan diadakan di Melaka pertengahan Julai ini bertujuan memeriahkan lagi perayaan Melaka Bandaraya Bersejarah, kata Setiausaha Majlis Gabungan Seni Silat Negeri Melaka, Salim Kassim, semalam.ddd

Katanya, pertandingan peringkat kawasan akan diadakan awal bulan depan dan peserta yang berjaya akan mewakili kawasan masing-masing pada peringkat akhir.

Sebanyak 25 pasukan — enam dari kawasan Kota Melaka, 14 Batu Berendam dan lima Alor Gajah dan Jasin — akan bertanding dalam pusingan awal di kawasan masing-masing mulai 3 Jun ini, tambahnya.